

Lapan individu dipenjara 18 bulan atas konspirasi jenayah penipuan cinta dalam talian

KUCHING: Lapan individu termasuk lima lelaki warga Indonesia masing-masing dihukum penjara 18 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam kerana melakukan konspirasi jenayah membabitkan penipuan cinta dalam talian.

Majistret Leona Dominic Mojiliu menjatuhkan hukuman terhadap lima warga Indonesia dan tiga individu tempatan itu selepas mereka mengaku bersalah mengikut Seksyen 120B(1) Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 417 kanun sama, kerana melakukan konspirasi jenayah untuk melakukan penipuan.

Kesemua tertuduh berusia antara 21 hingga 32 tahun.

Mereka terdiri daripada lima warga Indonesia iaitu Anas Wahyudi, Werly, Toga Salleh Harahap, Adi Putra S Torong serta Rudianto dan tiga individu tempatan lain adalah Melanie Belle Tening

Juman, Clyde Eldriged Cassidy dan Alexander Lenny.

Kesalahan itu dilakukan mereka di sebuah rumah di Jalan Song, sekitar jam 11 malam pada 1 September 2026.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan polis menyerbu alamat terbabit setelah menerima maklumat bahawa terdapat sindiket yang menjalankan penipuan cinta dalam talian dari premis tersebut.

Operasi itu seterusnya membawa kepada penangkapan lima lelaki Indonesia, dua lelaki tempatan dan seorang wanita tempatan.

Polis turut merampas empat komputer riba dan tetikus, empat pengeras komputer riba dan empat telefon bimbit pelbagai jenama.

Siasatan mendedahkan bahawa lapan tertuduh telah bertindak bersama dalam menjalankan penipuan cinta dalam talian dengan menyamar sebagai wanita dan

menghantar mesej kepada beberapa individu (mangsa), untuk memperdaya mereka dalam talian.

Dalam pada itu, lima warga Indonesia berkenaan turut berdepan pertuduhan imigrasi atas kesalahan imigrasi di bawah Akta Imigrasi 1959/63.

Anas Wahyudi dan Werly, yang didakwa mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigrasi 1959/63 kerana berada di Malaysia tanpa dokumen perjalanan sah, masing-masing dijatuhi hukuman penjara lapan bulan dan empat sebatan serta penjara empat bulan dan dua sebatan.

Toga Salleh Harahap dan Adi Putra S Torong masing-masing dijatuhi hukuman penjara tiga bulan, manakala Rudianto dihukum penjara 10 bulan, kesemuanya melakukan kesalahan tinggal lebih masa di Malaysia.

Kesemua tertuduh tidak diwakili peguam.